

Headline	Kerajaan cadang wujud Pasar Herba		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Nov 2015	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	150 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,713
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,139



# Kerajaan cadang wujud Pasar Herba

**Putrajaya:** Kerajaan bercadang mewujudkan Pasar Herba yang akan berfungsi sebagai pusat sehenti penjualan dan pemasaran produk keluaran tempatan dalam usaha memajukan industri itu ke tahap global.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata pembangunan industri herba mempunyai masa depan yang cerah dan perlu diteroka sebagai satu kaedah alternatif perubatan serta perkhidmatan kesihatan.

Beliau berkata, penubuhan Pasar Herba memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), bagi mengumpulkan pengeluaran dan ribuan jenis produk herba keluaran negara ini untuk dijual di satu pusat sehenti.

Katanya, pengusaha herba Malaysia juga perlu berusaha untuk memastikan produk mereka boleh dijual di pasaran premium setanding dengan mutu yang dimiliki.

“Malaysia antara negara yang terkenal dengan kekayaan sumber aslinya. Jadi, kelebihan ini perlu dimanfaatkan untuk mewujudkan herba yang mempunyai identiti tersendiri dan dikenali di seluruh dunia.

“Sebagai contoh, tongkat ali yang amat terkenal khasiatnya di negara ini sepa-

tunya menjadi produk yang apabila namanya disebut, ia mengingatkan orang kepada Malaysia.

“Umpamanya China, terkenal dengan ‘ginseng’, jadi kita mahu Malaysia juga ada identiti yang seperti itu dalam industri herba,” katanya pada sidang media sempena **Persidangan Industri Herba 2015 (PIH2015)**, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr Abd Latif Mohmod.

Terdahulu, Shabery melancarkan Sistem Rantaian Industri Herba (SRI Herba) iaitu sebuah pangkalan data yang dibangunkan secara bersama oleh kumpulan penyelidik projek Kajian Rantaian Nilai Industri Herba Terpilih Semenanjung Malaysia dan cawangan Teknologi Maklumat FRIM bagi merekodkan maklumat bancian dan tinjauan.

Sehingga kini, seramai 6,570 peserta industri sudah berdaftar dengan sistem berkenaan, yang membolehkan mereka mendapat akses kepada maklumat terkini berkaitan industri herba dengan capaian segera kepada senarai dan statistik mengenai pembekal bahan tanaman, penanam, pemproses atau pengusaha, pemborong serta peruncit.